



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MESYUARAT MAJLIS KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2026

KUALA LUMPUR, 16 JULAI 2026 – Mesyuarat Majlis Keterjaminan Makanan Negara Bilangan 1 Tahun 2026 yang bersidang pada 15 Julai 2026 telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri yang dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi. Mesyuarat ini bertujuan untuk menetapkan hala tuju keterjaminan makanan negara yang lebih menyeluruh, serta mengesyorkan strategi berimpak tinggi bagi menangani pelbagai isu sektor agromakanan.

Mesyuarat pada kali ini telah membincangkan mengenai beberapa inisiatif keterjaminan makanan termasuklah Kebolehlaksanaan serta Cadangan Hala Tuju Penghasilan Sumber Protein Alternatif di Malaysia serta Cadangan Inisiatif Pengukuhan Daya Saing Industri Pertanian Tempatan dan Strategi Pemerkasaan Perkhidmatan dan Operasi Slipway Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Kerajaan juga menyedari akan implikasi fenomena El Nino dan perubahan iklim terhadap risiko kemarau berpanjangan yang mengancam sektor pengeluaran makanan tempatan. Rentetan daripada cabaran krisis tersebut, pihak KPKM telah menyediakan pelbagai strategi pencegahan, penyesuaian dan perlindungan bagi pengusaha sektor pertanian.

Mesyuarat turut membincangkan penyelesaian isu perdagangan melibatkan produk perikanan dan pertanian, termasuk sekatan eksport udang Malaysia ke Thailand yang berlarutan sejak tahun 2017, sekatan import udang Thailand ke Malaysia yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2026,

pemeriksaan ketat terhadap eksport ikan siakap Malaysia ke Thailand serta permohonan akses pasaran produk ternakan ke Thailand yang tertunggak sejak tahun 2024.

Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA 2026) yang akan berlangsung dari 28 Ogos hingga 6 September 2026 di MAEPS, Serdang. Acara ini merupakan platform dwitahunan terunggul negara yang memacu transformasi sektor agromakanan ke tahap yang lebih dinamik.

Keterjaminan makanan adalah keutamaan nasional yang memerlukan komitmen kolektif. Justeru, pelaksanaan kerjasama strategik yang holistik antara semua pihak amat penting bagi menjamin kemampunan sistem makanan negara, sekaligus memastikan Malaysia terus berdaya tahan mendepani dinamik cabaran global.

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

